

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG  
(BUKIT MERTAJAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2016**

**Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan pinjaman bank kepada semua sektor isi rumah, dari tahun 1990-2015. Berikan dalam peratus dan juga jumlah pinjaman setiap satu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM1,042 bilion (80 peratus daripada sistem perbankan dan 20 peratus daripada institusi kewangan bukan bank) yang merangkumi 89 peratus daripada KDNK pada akhir Mac

2016. Daripada jumlah tersebut, 62.6 peratus adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta tanah dan pelaburan dalam aset kewangan. Pinjaman bagi pembelian harta tanah adalah secara lazimnya mempunyai tempoh matang yang panjang iaitu melebihi 20 tahun.

Pada akhir tahun 1990, pinjaman bank kepada sektor isi rumah merangkumi 22.4 peratus iaitu sebanyak RM26 bilion daripada jumlah pinjaman bank keseluruhan. Manakala, pada akhir tahun 2015, pinjaman bank kepada sektor isi rumah meningkat kepada RM820.9 bilion, merangkumi 56.8 peratus daripada jumlah pinjaman bank keseluruhan. Pecahan pinjaman bank kepada sektor isi rumah dari tahun 1990 hingga 2015 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pinjaman bank kepada sektor isi rumah (RM mil)</b>	<b>Pecahan pinjaman bank kepada sektor isi rumah (%)</b>
1990	26,029	22.4
1991	33,713	24.0
1992	36,908	23.6
1993	43,441	24.9
1994	50,895	25.0
1995	61,646	23.6
1996	109,017	32.7
1997	141,036	33.5
1998	135,815	32.8
1999	139,068	35.2
2000	156,039	37.5
2001	178,654	41.3

<b>2002</b>	<b>204,869</b>	<b>45.3</b>
<b>2003</b>	<b>231,075</b>	<b>48.8</b>
<b>2004</b>	<b>264,383</b>	<b>51.4</b>
<b>2005</b>	<b>304,363</b>	<b>54.5</b>
<b>2006</b>	<b>332,676</b>	<b>56.1</b>
<b>2007</b>	<b>358,136</b>	<b>55.6</b>
<b>2008</b>	<b>392,956</b>	<b>54.1</b>
<b>2009</b>	<b>431,521</b>	<b>55.1</b>
<b>2010</b>	<b>489,454</b>	<b>55.4</b>
<b>2011</b>	<b>552,551</b>	<b>55.1</b>
<b>2012</b>	<b>619,034</b>	<b>55.9</b>
<b>2013</b>	<b>693,039</b>	<b>56.5</b>
<b>2014</b>	<b>761,951</b>	<b>56.9</b>
<b>2015</b>	<b>820,947</b>	<b>56.8</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah secara berperingkat sejak tahun 2010 bagi memastikan sektor isi rumah kekal mampan dan berdaya tahan. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk memupuk amalan kredit yang bertanggungjawab oleh individu dan institusi kewangan dan untuk mengelakkan isi rumah daripada berhutang secara berlebihan. Sejak pelaksanaan langkah-langkah tersebut, kadar pertumbuhan hutang isi rumah menurun kepada 6.5 peratus pada akhir Mac 2016, berbanding 7.3 peratus pada 2015 dan 14.2 peratus pada 2010.

Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan

kemahiran pengurusan kewangan di kalangan masyarakat juga dilaksanakan seperti berikut :

- (i) Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (*POWER!*) yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya golongan belia dan mereka yang baru bekerja. Sejak pelancarannya pada 2010 sehingga Mac 2016, lebih daripada 204,000 pengguna telah menghadiri program *POWER!*.
- (ii) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan dan hutang mereka dengan memberi nasihat dan khidmat menyusun semula hutang. Setakat Mac 2016, lebih 148,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang yang dikendalikan oleh AKPK.